



HIGHER SCHOOL CERTIFICATE EXAMINATION

2000
MALAY
FOR BACKGROUND SPEAKERS
2/3 UNIT (COMMON)
(80 Marks)

*Time allowed—Two hours and a half
(Plus 5 minutes reading time)*

DIRECTIONS TO CANDIDATES

Section I (20 marks)

- Answer this Section in a SEPARATE Writing Booklet.
- All answers MUST be written in MALAY.

Section II (20 marks)

- Answer this Section in a SEPARATE Writing Booklet.
- The answer MUST be written in MALAY.

Section III (40 marks)

- Attempt TWO questions.
- Answer each question in a SEPARATE Writing Booklet.
- Answers may be written in EITHER Malay OR English.

SECTION I—READING SKILLS

QUESTION 1 (20 marks)

Use a SEPARATE Writing Booklet.

Gunakan buku tulis BERASINGAN.

Read the following passages, then answer the questions on page 4 in MALAY.

Bacalah petikan-petikan yang berikut, kemudian jawab soalan-soalan pada muka surat 4 dalam BAHASA MELAYU.

PETIKAN A

Bantuan bagi Perempuan

Syarikat-syarikat teknologi tinggi Amerika kini bekerjasama dengan lembaga yang bernama *Women Work*, sebuah organisasi non-untung yang melatih perempuan tidak berpengalaman, tidak berpendidikan cukup, dan sulit mendapat pekerjaan.

Dimulai 20 tahun lalu untuk membantu mencari pekerjaan bagi para janda yang sebelumnya tidak pernah bekerja di luar rumah, *Women Work* menyelenggarakan 1,400 program latihan vokasional di seluruh Amerika.

Pengarah organisasi itu, Jill Miller, mengatakan pengalaman organisasinya yang luas merupakan modal yang baik untuk memenuhi sektor teknologi tinggi Amerika. Menurut Miller, 'Sementara terdapat kekurangan dalam lulusan ilmu komputer dan pakar teknologi maklumat, terdapat juga kekurangan dalam keahlian administrasi dasar, pakar perkabelan, penganalisa sistem; jenis-jenis pekerjaan yang dapat dilatih dalam waktu satu atau dua tahun. Hampir semua industri atau sektor ekonomi masa kini memerlukan teknologi, jadi bidang ini merupakan peluang yang amat besar. Bidang industri mengalami kekurangan dalam bidang

ini dan ada kaum perempuan yang mahu bergerak ke dalam bidang di mana upah lumayan dan ada peluang untuk maju.'

Organisasi *Women Work* telah membina empat pusat latihan yang dijalankan dengan kerjasama syarikat-syarikat teknologi tinggi Amerika. Perlengkapannya disumbangkan oleh syarikat-syarikat di negeri Maine, Tennessee, Colorado dan Oregon.

Miller selanjutnya mengemukakan, 'Melihat minat dan kejayaan kami di tempat-tempat itu, kami berharap mampu memperluaskan program ini dalam golongan-golongan masyarakat lain. Kami mengharap sokongan baik daripada kerajaan mahupun sektor swasta.'

Miller juga mengatakan, manfaat pelaburan seperti itu amat besar, baik bagi industri teknologi tinggi Amerika mahupun bagi kaum perempuan yang memandangkan latihan itu sebagai batu loncatan untuk berdikari. Menurut Miller, peluang pasar kerja di Amerika yang sempit digabungkan dengan perkembangan industri maklumat, telah mewujudkan peluang yang belum pernah ada sebelumnya.

QUESTION 1 (Continued)

PETIKAN B**Antara Idealisme Dengan Matlamat**

Gerakan feminisme di Malaysia kuat dipengaruhi oleh gerakan feminisme di Barat, lebih bermotif reformasi sosial dan politik golongan wanita. Gerakan ini didukung oleh wanita elit dan menengah atasan yang berpendidikan tinggi. Mereka begitu tertarik kepada gerakan feminisme di Barat yang membangkitkan soal keadilan sosial, kesaksamaan, hak kemanusiaan, hak wanita, liberalisasi kaum wanita, dan pelbagai pendekatan yang berpusat pada kepentingan dan pandangan yang memihak dan menyebelahi wanita. Dengan mengeksploitasi pelbagai isu yang bukan sahaja bersifat gender bias, kebanyakan pejuang gerakan feminisme terperangkap oleh isu asas yang masih dihadapi oleh masyarakat negara membangun.

Isu jantina yang menjadi landasan perjuangan gerakan feminisme di Malaysia dapat diatasi sekaligus sekiranya isu asas yang mencengkam masyarakat, seperti kemiskinan, kemunduran, pemodenan, keadilan sosial, dan pergeseran kelas sudah dapat ditangani dengan baik. Namun, ada pihak yang berpendapat bahawa langkah menangani isu jantina perlu diberi keutamaan untuk membanteras kemiskinan, kemunduran, merintiskan pemodenan, meluaskan keadilan sosial, dan mengurangkan pergeseran kelas yang diwarisi oleh masyarakat membangun.

Beberapa gerakan feminisme yang dianjurkan di luar negara melalui persidangan antarabangsa seperti di Beijing (1996) dan di Nairobi (1985) memberi kesan yang meluas terhadap kemunculan gerakan feminisme di negara membangun. Dari semasa ke semasa,

resolusi berkaitan dengan perjuangan feminisme diluluskan untuk dikemukakan kepada pemimpin di negara membangun dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk diterima pakai sebagai dasar pembaharuan dan perubahan bagi wanita. Dasar jantina diluaskan dalam pelbagai bidang meliputi politik, kepemimpinan, pekerjaan, profesionalisme, pendidikan, kurikulum pengajian jantina, dan sebagainya.

Berbeza daripada gerakan feminisme di Barat, wanita dalam masyarakat Timur kuat dipengaruhi oleh budaya dan agama yang mencorakkan peranan tertentu yang perlu dimainkan oleh wanita. Walaupun angin pemodenan bertiup kuat dan mengubah perspektif baru peranan wanita Timur, faktor keagamaan dan kebudayaan menjadi benteng pendidikan wanita tentang kesetiaan, tanggungjawab, nilai hidup, peranan, fungsi, dan tugas yang membina yang perlu dipertahankan oleh wanita dalam masyarakat moden. Pemodenan tidak bermakna membuang semua tradisi hidup dan mengambil apa-apa sahaja yang dianggap moden oleh masyarakat Barat. Wanita Timur tidak dikehendaki terlampau ekstrem dan membabi buta mengikut pengaruh feminisme Barat. Kebebasan yang diberi kepada wanita tidak bermakna, jika bercanggah dengan nilai dan norma masyarakat Timur yang kaya dengan kesopanan dan peradaban. Faktor kebudayaan, sosial, dan agama amat berpengaruh dalam mencorakkan pergerakan feminisme dan penonjolan isu jantina dalam masyarakat membangun.

Question 1 continues on page 4

| QUESTION 1 (Continued) | Marks |
|--|-------|
| (a) Menurut Petikan A, apakah faktor-faktor yang telah menyumbang kepada kejayaan organisasi <i>Women Work</i> ? | 5 |
| (b) Menurut Petikan B, apakah perbezaan antara gerakan feminisme di Barat dibandingkan dengan di Timur? | 5 |
| (c) Pada pendapat anda, petikan yang mana lebih meyakinkan? Beri alasan anda dengan contoh-contoh. | 4 |
| (d) Dari segi isi dan gaya bahasa, Petikan A dan Petikan B ditujukan kepada golongan yang mana? | 6 |

SECTION II—WRITING SKILLS**QUESTION 2** (20 marks)

Use a SEPARATE Writing Booklet.

Gunakan buku tulis BERASINGAN.

Negara maju wajib memberi bantuan dan pimpinan kepada negara yang sedang berkembang.

Setujukah anda? Bincangkan.

Panjang karangan haruslah lebih kurang 300 patah perkataan.

Please turn over

SECTION III—CONTEMPORARY ISSUES

Answers may be written in EITHER Malay OR English.

Jawapan-jawapan boleh ditulis dalam Bahasa Melayu ATAU Bahasa Inggeris.

NOTE. The Contemporary Issues studied this year are:

- Women in Society
- Development and Change

PERHATIAN. Isu-isu Semasa yang telah dipelajari tahun ini ialah:

- Wanita dalam Masyarakat
- Pembangunan dan Perubahan

QUESTION 3 (20 marks)

Use a SEPARATE Writing Booklet.

Gunakan buku tulis BERASINGAN.

- (a) Walaupun *Gila Anak Jantan* dan *Ingin Melihat Rambut Menantu* menampilkan tema dan pesan yang serius, terdapat juga adegan-adegan lucu dalam cerpen-cerpen tersebut. Bincangkan bagaimana dan mengapa unsur humor digunakan dalam KEDUA-DUA cerpen ini.

ATAU

- (b) Dalam cerpen *Igau*, Shahnnon Ahmad menggunakan pelbagai teknik penulisan yang menarik lagi berkesan untuk menyampaikan tema dan pesan. Bincangkan.

QUESTION 4 (20 marks)

Untuk menjawab soalan ini, anda harus merujuk kepada cerpen-cerpen Melayu yang telah anda pelajari tahun ini, pengalaman peribadi dan sumber-sumber tambahan yang lain.

Wanita akan tetap merupakan kaum yang lemah dan memainkan peranan yang kurang penting dalam masyarakat berbanding dengan kaum lelaki. Ini merupakan kenyataan evolusi dan sebab itu tidak mungkin berubah. Setujukah anda?

End of paper

BLANK PAGE

BLANK PAGE